

UTHM-JPDC Bangunkan Modal Insan Industri Minyak & Gas Johor



Mohamed Khaled (tengah) menyaksikan penyerahan memorandum persefahaman antara Naib Canselor UTHM, Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin (tiga dari kanan) dan Ketua Eksekutif JPDC, Yazid Ja'afar.



Mohamed Khaled (tengah) bersama para pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM.

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalinkan kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC) dalam usaha memperkasa pembangunan modal insan dan penyelidikan berkaitan teknologi kejuruteraan hiliran minyak dan gas di negeri ini.

Jalinan kerjasama itu bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan menerusi latihan-latihan berkaitan industri itu, sejajar dengan kursus-kursus yang ditawarkan di UTHM.

Ini diharap akan dapat melahirkan graduan yang berkemahiran dan bersedia memasuki alam pekerjaan dalam industri minyak dan gas.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin berkata, pihak universiti dan JPDC akan menggalakkan kerjasama dalam bidang teknologi kejuruteraan, teknologi minyak dan gas

dan pembangunan sumber manusia.

"Kami merancang dan menyusun strategi pembangunan modal insan secara menyeluruh, mengikut keperluan semasa industri tersebut.

"Kerjasama ini juga dapat menggalakkan pelaksanaan program secara aktif termasuk aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan di UTHM," katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UTHM dan JPDC di sini, baru-baru ini.

Menurut Dr. Mohd Noh, perjanjian itu akan membuka peluang kepada aktiviti penyelidikan dan perundingan bersama secara formal, khususnya dalam bidang teknologi kejuruteraan minyak dan gas.

"Memandangkan JPDC agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyelaras sumber manusia dalam industri minyak dan gas di Johor, kerjasama ini akan memberi impak besar kepada kedua-dua pihak

dalam mengukuhkan lagi aktiviti minyak dan gas di Johor.

"Jaringan kerjasama ini juga akan memberi peluang kepada UTHM untuk dikenali sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan program melibatkan industri minyak dan gas," ujarnya.

Senada dengan kenyataan itu, Ketua Pegawai Eksekutif JPDC, Yazid Jaa'far berkata, MoA itu membuktikan kesungguhan semua pihak untuk merealisasikan visi transformasi Johor sebagai Hab Hiliran Minyak dan Gas bertaraf dunia.

"Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengawal selia pembangunan industri itu, JPDC akan terus mengambil langkah proaktif dalam pembangunan modal insan. Ia bagi memastikan masyarakat tempatan menerima manfaat dan mengambil bahagian di dalam pembangunannya," kata beliau.

Yang turut hadir menyaksikan pementoran perjanjian itu ialah Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin.

Terdahulu, Mohamed Khaled telah merasmikan Loji Pemprosesan Minyak dan Gas yang terletak di kampus universiti tersebut. Ia berfungsi untuk memproses minyak sawit mentah menjadi biodiesel sebagai bahan bakar.

Loji yang ketiga terbesar di dunia selepas India dan Arab Saudi itu mampu mengeluarkan satu tan produk setiap kali pengoperasiannya.

Pembinaan loji pemprosesan berkeluasan 1,000 meter persegi, bernilai RM13 juta itu dimulakan pada 2010 dan siap sepenuhnya dua tahun kemudian.

Antara kemudahan yang disediakan adalah 'fire-tube boiler' untuk penjanaan stim, peralatan pemprosesan bersepadu lengkap dengan operasi kawalan automatik serta loji rawatan air sisa.